



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEP)**

[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## **MOTIVASI, KUALITI DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN PEREMPUAN DALAM BIDANG KEMAHIRAN DI KOLEJ VOKASIONAL**

*MOTIVATION, QUALITY AND MARKETABILITY OF FEMALE STUDENTS IN  
THE FIELD OF SKILLS AT VOCATIONAL COLLEGE*

Jamilah Yusof<sup>1\*</sup>, Aliff Nawi<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Teknologi Maklumat, Kolej Vokasional Kangar, Malaysia  
Email: jamilahyusof1289@gmail.com

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia  
Email: aliffnawi@yahoo.com

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 21.06.2021

Revised date: 30.06.2021

Accepted date: 18.08.2021

Published date: 05.09.2021

#### **To cite this document:**

Yusof, J. & Nawi, A. (2021). Motivasi, Kualiti Dan Kebolehpasaran Graduan Perempuan Dalam Bidang Kemahiran Di Kolej Vokasional. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6 (42), 248-261.

DOI: 10.35631/IJEP.642020.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### **Abstrak:**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengukur dan mengenalpasti tahap motivasi, kualiti dan kebolehpasaran graduan perempuan dalam bidang kemahiran di kolej vokasional bagi negeri Perlis. Seramai 288 orang graduan perempuan yang mengikuti program Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan DVM (Diploma Vokasional Malaysia) di Kolej Vokasional Kangar dan Kolej Vokasional Arau yang datang dari 12 jenis kursus pengajian yang berbeza. Instrumen kajian menggunakan set borang soal selidik. Rekabentuk kajian adalah jenis kajian kes melalui pendekatan secara kuantitatif. Kajian ini melibatkan analisis statistik secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS versi 22. Keputusan dapatkan menunjukkan motivasi intrinsik berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min bersamaan 4.26 begitu juga dengan motivasi ekstrinsik berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min sebanyak 3.85. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan tahap kualiti graduan perempuan bagi kedua-dua buah kolej vokasional berada pada tahap yang tinggi berdasarkan nilai skor min yang diperolehi sebanyak 4.14. Manakala ujian korelasi pearson mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti graduan perempuan terhadap kemahiran graduan perempuan di kolej vokasional. Kesimpulannya, kajian ini diharap dapat membuka ruang perbincangan lanjut serta membantu pihak yang terlibat secara langsung dalam mengendalikan program dalam meningkatkan lagi motivasi, kualiti dan kebolehpasaran graduan di kolej vokasional.

**Kata Kunci:**

Motivasi, Kualiti, Kebolehpasaran Dan Graduan Perempuan

**Abstract:**

Motivation is a very important element of psychology and is a motivator for an individual to do something. Therefore, this study is aimed to identify the level of motivation, quality, and marketability of female students in the field of skills at vocational colleges in Perlis. This study was conducted on 288 female students from 12 different types of courses, attending Sijil Vokasional Malaysia (SVM) and Diploma Vokasional Malaysia (DVM) program at Kangar Vocational College and Arau Vocational College. The research instrument used is a set of questionnaires. The research design is a type of case study through a quantitative approach. This study involves descriptive and inferential statistical analysis using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 22. The findings show that intrinsic motivation is at a high level with a mean value of 4.26 as well as extrinsic motivation is at a high level with a mean value of 3.85. The findings also show that the quality of the female students for both Vocational Colleges is at a high level based on the mean score of 4.14. Correlation analyses show that there is a significant relationship between the quality of female students and the proficiency of female students in vocational colleges. In conclusion, this study is expected to open a space for further discussion and help those who are directly involved in controlling the program to improve the quality of training skills provided.

**Keywords:**

Motivation, Quality, Marketability And Female Student

## Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia pada masa kini begitu komited untuk menjadikan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) sebagai salah satu pilihan pertama bagi graduan untuk menyambung pengajian dalam masa lima tahun yang akan datang. Pendidikan teknik dan vokasional (PTV) adalah sebuah sistem pendidikan yang menyediakan satu latihan khas dalam bidang kemahiran teknikal dan kemahiran. Pada masa kini bidang TVET masih lagi berada di bawah kapasiti yang bermaksud masih ramai graduan tidak berminat untuk menyertainya. Oleh sebab itu transformasi dalam pendidikan vokasional telah dijalankan. Kementerian Pendidikan telah menyasarkan peningkatan keseluruhan 650,000 murid dalam program TVET menjelang tahun 2025. Perkara ini adalah bertepatan dengan Lonjakan Keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 untuk meningkatkan graduan TVET berkualiti. Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) ini bertujuan menjadikan pendidikan vokasional sebagai arus perdana setanding dengan aliran pendidikan akademik. Transformasi ini juga diharap dapat mencorak landskap baharu kepada sistem pendidikan negara yang berteraskan pencapaian kompetensi kemahiran dan akademik. Transformasi pendidikan vokasional merupakan usaha memperkasakan sistem pendidikan vokasional sedia ada sehingga terbina sistem pendidikan vokasional baharu yang dapat menyumbang kepada agenda transformasi Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi.

### Pernyataan Masalah

Sesetengah syarikat lebih cenderung untuk memilih pekerja lelaki berbanding perempuan membuatkan ramai graduan perempuan tidak tertarik untuk memilih laluan TVET ke kolej vokasional untuk menyambung pengajian. Kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh sesetengah syarikat mahupun industri juga cenderung untuk memerlukan tenaga kerja lelaki sahaja. Kajian oleh Goldin (2014) membuktikan bahawa terdapat sebilangan syarikat membayar gaji pekerja perempuan lebih rendah berbanding lelaki walaupun pekerja berkewenang berada dalam sektor yang sama.

Selain itu, pekerja perempuan juga kurang berpeluang dalam bidang TVET kerana kebanyakannya majikan beranggapan bahawa pekerja perempuan sebagai pekerja yang kurang produktif, bermobiliti rendah dan menimbulkan banyak masalah kepada institusi tempat bekerja kerana kerap bercuti seperti cuti bersalin serta kurang berkeupayaan untuk menjadi pemimpin (Darity & Mason 1998). Terdapat juga majikan yang beranggapan bahawa jika mereka mengambil golongan perempuan sebagai pekerja, mereka mempunyai risiko yang tinggi kerana pekerja perempuan dianggap tidak komited dengan pekerjaan berbanding pekerja lelaki (O'nell & Billimoria, 2005).

Berdasarkan Laporan analisis mengikut jantina yang dimuat turun dari Sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) di kedua-dua buah kolej vokasional di negeri Perlis menunjukkan bilangan graduan perempuan bagi kedua-dua kolej adalah lebih rendah berbanding graduan lelaki. Di Kolej Vokasional Kangar, bilangan graduan perempuan adalah hampir separuh lebih rendah daripada bilangan graduan lelaki dimana bilangan graduan perempuan adalah seramai 289 orang berbanding bilangan graduan lelaki yang mencatatkan bilangan seramai 419 orang. Manakala graduan perempuan di Kolej Vokasional Arau pula menunjukkan bilangan seramai 146 orang iaitu bersamaan dengan 23% sahaja yang mana hampir lima kali ganda lebih rendah berbanding dengan bilangan graduan lelaki dengan bilangan catatan seramai 516 orang graduan.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti persediaan dan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik di mana motivasi intrinsik merangkumi faktor-faktor seperti faktor sikap, kemahiran, minat, kecergasan dan keseronokkan. Manakala motivasi ekstrinsik pula merangkumi faktor-faktor seperti faktor popular, mobiliti sosial, kepujian, dorongan dan faktor ganjaran yang mendorong graduan memilih kolej vokasional sebagai laluan utama bagi menyambung pelajaran dan kualiti kemahiran teknikal serta kebolehpasaran mereka.

### Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, objektif kajian yang hendak dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Mengenalpasti tahap motivasi pelajar perempuan di kolej vokasional.
- b) Mengenalpasti tahap kualiti pelajar perempuan di kolej vokasional.
- c) Mengenalpasti tahap kebolehpasaran pelajar perempuan di kolej vokasional.
- d) Mengenalpasti hubungan motivasi dengan kebolehpasaran pelajar perempuan di kolej vokasional.
- e) Mengenalpasti hubungan kualiti dengan kebolehpasaran pelajar perempuan di kolej vokasional.

## **Metodologi**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan rentasan. Sampel kajian terdiri daripada graduan di Kolej Vokasional Kangar dan Kolej Vokasional Arau, Perlis. Manakala persampelan rawak mudah digunakan mewakili populasi tersebut. Graduan ini adalah terdiri daripada graduan yang mengikuti kursus dari program Teknologi Sistem Komputer dan Rangkaian, Teknologi Elektrik, Teknologi Elektronik, Teknologi Kimpalan, Teknologi Automotif, Teknologi Pembinaan, Pemesinan Industri dan Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara, Fesyen dan Pakaian, Kosmetologi, Seni Kulinari, dan Pengurusan Perniagaan. Peringkat pengajian sasaran adalah graduan yang mengikuti program Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan juga Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Sebanyak 300 borang soal selidik diedarkan ke kedua-dua kolej vokasional namun hanya 288 borang dikembalikan.

Instrumen kajian yang digunakan berupa set borang soal selidik untuk mengukur tahap motivasi, kualiti dan kebolehpasaran graduan yang mengandungi 4 bahagian. Bahagian A merupakan demografi pelajar, Bahagian B merupakan soal selidik berkaitan dengan motivasi, bahagian C merupakan soal selidik berkaitan dengan kualiti pelajar dalam melaksanakan kerja-kerja kemahiran teknikal, manakala bahagian D berkaitan dengan soal selidik mengenai kebolehpasaran graduan.

Bagi bahagian A iaitu demografi, responden perlu menandakan (✓) pada setiap maklum balas yang dipilih. Untuk Bahagian B, C dan D responden akan memberi jawapan berdasarkan Skala Likert yang telah diubahsuai agar bersesuaian dengan maklumat yang diperoleh. Sebelum kajian sebenar dijalankan, pengkaji telah pun melaksanakan kajian rintis terhadap 72 orang graduan dan mereka yang terlibat dalam kajian rintis tidak termasuk dalam kajian sebenar. Alpha Cronbach bagi kajian rintis bagi kedua-kedua konstruk masing-masing adalah 0.675 dan 0.901. Menurut Lim (2007) dan Pallant (2010), nilai alpha berangka 0.60 atau lebih adalah baik dan boleh diterima.

Data dan maklumat yang diperolehi melalui analisis statistik secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian komputer SPSS versi 22. Prosedur statistik secara deskriptif diperlukan bagi membentuk profil jumlah sampel di mana taburan kekerapan dipamerkan oleh setiap nilai skor. Interpretasi nilai skor min dibahagikan kepada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Skor 1.00 hingga 2.33 dikategorikan sebagai rendah, 2.34 hingga 3.67 adalah sederhana dan 3.68 hingga 5.00 adalah tinggi.

Analisis statistik yang digunakan adalah secara deskriptif bagi menjawab persoalan kajian 1 dan persoalan kajian 2 untuk melihat skor min dan sisihan piawai. Bagi menjawab persoalan kajian 3, 4, 5 dan 6 data dianalisis secara inferensi untuk melihat sama ada terdapat perbezaan antara tahap kebolehpasaran mengikut lokasi kolej dan kursus pengajian atau sebaliknya. Huraian terhadap nilai pekali yang diperoleh dilakukan dengan merujuk kepada tafsiran seperti berikut;

<b>Jadual 1: Interpretasi Kekuatan Hubungan</b>	
<b>Nilai r</b>	<b>Interpretasi</b>
± 0.10 hingga 0.29	Hubungan Lemah
0.30 hingga 0.49	Hubungan Sederhana
0.50 hingga 1.00	Hubungan Kuat

Sumber: Cohen (1988)

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

## Dapatkan

### **Tahap Motivasi Intrinsik Graduan**

Bagi aspek tahap motivasi graduan terbahagi kepada dua dimensi iaitu dimensi motivasi intrinsik dan dimensi motivasi ekstrintri. Setiap dimensi mempunyai 10 item seperti jadual di bawah;

**Jadual 2: Tahap Motivasi Intrinsik Graduan**

<b>BIL</b>	<b>ITEM</b>	<b>PERATUS &amp; KEKERAPAN</b>					<b>MIN</b>
		<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>KS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	
1	Saya sememangnya berminat dengan bidang kemahiran teknikal.	2.4 (7)	10.4 (30)	15.6 (45)	44.8 (129)	26.7 (77)	3.83
2	Saya berasa amat teruja setiap kali melakukan kerja-kerja kemahiran.	0.7 (2)	5.2 (15)	12.8 (37)	49.3 (142)	31.9 (92)	4.07
3	Saya ingin meningkatkan kemahiran sedia ada.	2.1 (6)	4.5 (13)	8.3 (24)	41.7 (120)	43.4 (125)	4.20
4	Saya ingin mengetahui kaedah untuk menggunakan peralatan dengan cara yang betul.	0.3 (1)	4.9 (14)	6.3 (18)	43.8 (126)	44.8 (129)	4.28
5	Saya menyedari keperluan pasaran kerja pada masa sekarang memerlukan tenaga kerja mahir dalam bidang teknikal.	1 (3)	7.3 (21)	9.7 (28)	42.7 (123)	39.2 (113)	4.12
6	Saya yakin kemahiran ini akan membantu saya untuk mendapatkan pekerjaan setelah tamat pengajian.	0.7 (2)	4.2 (12)	7.3 (21)	37.2 (107)	50.7 (146)	4.33
7	Saya lebih suka belajar sesuatu perkara melibatkan pergerakan psikomotor berbanding pembelajaran secara teori.	1 (3)	9.4 (27)	14.2 (41)	41 (118)	34.4 (99)	3.98
8	Saya berhasrat untuk mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari dalam kerjaya akan datang.	1 (3)	4.9 (14)	8 (23)	42.4 (122)	43.8 (126)	4.23
9	Saya berminat untuk mengendalikan mesin yang terdapat di dalam bengkel.	1 (3)	8.7 (25)	12.2 (35)	41 (118)	37.2 (107)	4.05
10	Saya berasa seronok apabila dapat mengendalikan peralatan yang terdapat di dalam bengkel.	1 (3)	8.3 (24)	12.8 (37)	41.7 (120)	36.1 (104)	4.03
<b>PURATA</b>		<b>4.26</b>					

Berdasarkan data yang diperolehi daripada jadual 2 diatas, responden memberikan jawapan berdasarkan skala 1 (sangat tidak setuju), skala 2 (tidak setuju), skala 3 (kurang setuju), skala 4 (setuju), dan skala 5 (sangat setuju). Jadual 5.1.1 menunjukkan keputusan analisis dari borang soal selidik yang diedarkan kepada responden tentang tahap motivasi intrinsik graduan. Daripada analisis didapati bahawa tahap motivasi intrinsik graduan adalah berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.26.

Hasil analisis menunjukkan nilai min tertinggi ialah pada item 4 iaitu pelajar memilih laluan tvet ke kolej vokasional adalah kerana ingin mengetahui kaedah untuk menggunakan peralatan dengan cara yang betul dengan nilai min 4.28. Nilai min terendah pula ialah 3.83 iaitu pada item 1 di mana pelajar sememangnya berminat dengan bidang kemahiran teknikal.

### **Tahap Motivasi Ekstrinsik Graduan**

Bagi aspek tahap motivasi graduan dari dimensi motivasi ekstrintri juga mempunyai 10 item seperti di dalam jadual di bawah;

**Jadual 3: Tahap Motivasi Ekstrinsik Graduan**

BI L	ITEM	PERATUS & KEKERAPAN				MIN	
		STS	TS	KS	S		
1	Saya akan mendapat gaji yang tinggi sekiranya memiliki sijil kemahiran malaysia.	1.7 (5)	2.8 (8)	11.8 (34)	48.6 (140)	35.1 (101)	4.13
2	Saya tahu kos untuk mendapatkan sijil kemahiran malaysia secara persendirian adalah tinggi.	0.3 (1)	2.8 (8)	12.2 (35)	48.6 (140)	36.1 (104)	4.17
3	Saya ingin mendapat gelaran seorang yang berguna oleh keluarga	1 (3)	2.8 (8)	8.3 (24)	33 (95)	54.5 (157)	4.51
4	Saya tertekan dengan sistem pembelajaran sekolah harian	5.9 (17)	9 (26)	28.8 (83)	37.8 (109)	18.4 (53)	3.54
5	Saya khuatir pihak sekolah akan mengambil tindakan membuang saya daripada sekolah jika pencapaian teruk.	6.9 (20)	6.6 (19)	21.5 (62)	43.1 (124)	21.9 (63)	3.66
6	Saya ingin mendapat pujian oleh keluarga apabila mendapat diploma.	3.8 (11)	2.8 (8)	13.2 (38)	25 (72)	55.2 (159)	4.25
7	Saya didesak oleh keluarga dengan memberi ugutan akan menghantar saya ke kampung jika tidak berjaya di sekolah harian	34 (98)	19.8 (57)	17.4 (50)	18.1 (52)	10.8 (31)	2.52
8	Saya ingin mendapat pangkat jika bekerja nanti.	2.8 (8)	2.4 (7)	11.8 (34)	35.4 (102)	47.6 (137)	4.23
9	Saya ingin mendapat hadiah yang dijanjikan oleh ibubapa jika memperolehi keputusan cemerlang	9 (26)	9.7 (28)	20.8 (60)	31.9 (92)	28.5 (82)	3.61
10	Saya tidak mahu ahli keluarga melabelkan saya tidak berguna.	9 (26)	5.6 (16)	10.4 (30)	34 (98)	41 (118)	3.92
<b>PURATA</b>						<b>3.85</b>	

Jadual di atas menunjukkan skor min bagi motivasi graduan yang meliputi motivasi ekstrinsik. Daripada data yang dipaparkan dalam jadual di atas, tahap motivasi ekstrinsik pelajar juga berada di tahap yang tinggi dengan nilai keseluruhan min sebanyak 3.85. Hasil analisis menunjukkan nilai min tertinggi ialah pada item 3 iaitu pelajar ingin mendapat gelaran seorang yang berguna oleh keluarga dengan catatan nilai min 4.25. Nilai min terendah pula ialah 2.52 iaitu pada item 7 di mana pelajar didesak oleh keluarga dengan memberi ugutan akan menghantar pelajar ke kampung jika tidak berjaya di sekolah harian.

### **Tahap Kualiti Graduan**

Jadual dibawah menunjukkan tahap kualiti graduan perempuan di negeri Perlis. Tahap kualiti graduan perempuan secara umumnya berada pada tahap yang tinggi dengan skor 4.14.

#### Jadual 4: Tahap Kualiti Graduan

BIL	ITEM	PERATUS & KEKERAPAN					MIN
		STS	TS	KS	S	SS	
1	Saya mengaplikasikan pengetahuan sedia ada semasa melakukan kerja amali.	2.1 (6)	1 (3)	9.7 (28)	59 (170)	28.1 (81)	4.10
2	Saya mengetahui perkakasan yang diperlukan untuk kerja bengkel.	0 (0)	2.8 (8)	13.9 (40)	59.4 (171)	24 (69)	4.05
3	Saya merancang cara kerja sebelum bengkel dijalankan.	1.7 (5)	1.7 (5)	16 (46)	54.2 (156)	26.4 (76)	4.02
4	Saya meletakkan peralatan di tempat asal selepas menggunakannya.	0.3 (1)	2.1 (6)	20.5 (59)	53.5 (154)	23.6 (68)	3.98
5	Saya memahami piawai keselamatan industri	1.4 (4)	4.9 (14)	14.9 (43)	51.7 (149)	27.1 (78)	3.98
6	Saya menggunakan peralatan keselamatan dengan baik.	0 (0)	0.3 (1)	6.9 (20)	51 (147)	41.7 (120)	4.34
7	Saya memahami tanda dan simbol keselamatan	0 (0)	1 (3)	14.2 (41)	51.7 (149)	33 (95)	4.17
8	Saya mengetahui jangkaan hasil kerja amali	0.7 (2)	0.7 (2)	18.4 (53)	50.7 (146)	29.5 (85)	4.08
9	Saya mengenalpasti kawasan bahaya	1 (3)	2.1 (6)	7.6 (22)	46.9 (135)	42.4 (122)	4.27
10	Saya boleh menganalisis hasil keputusan amali yang didapati dengan baik	1 (3)	1 (3)	5.6 (16)	37.2 (107)	55.2 (159)	4.44
<b>PURATA</b>							<b>4.14</b>

Dapatan kajian menunjukkan tahap kualiti pelajar perempuan di kolej vokasional berada pada tahap yang tinggi berdasarkan nilai skor min yang diperolehi sebanyak 4.14. Hasil analisis menunjukkan nilai min tertinggi adalah pada item 10 dibawah pernyataan “saya boleh menganalisis hasil keputusan amali yang didapati dengan baik” dengan catatan nilai skor min 4.44. Dapatan ini jelas menunjukkan pelajar kolej vokasional ini mempunyai kemahiran kritikal yang sangat diperlukan dalam bidang vokasional dan teknik. Kemahiran menganalisis hasil keputusan amali ini amat penting dalam menentukan solusi apakah yang perlu di ambil oleh pekerja mahir yang berada dalam dunia industri sebenar dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Kemudian, item yang mempunyai nilai skor min kedua tertinggi iaitu “saya menggunakan peralatan keselamatan dengan baik” dengan catatan sebanyak 4.34. Item ini secara tidak langsung dapat memberikan gambaran bagaimana amalan keselamatan pelajar kolej vokasional. Sepertimana yang kita ketahui amalan ini akan memudahkan seseorang pelajar dalam memohon Kad Hijau. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia melalui Akta 520 telah menetapkan bahawa seorang individu atau pekerja yang perlu bekerja di tapak binaan atau penyelenggaraan perlu mendaftar dan mempunyai Kad Hijau CIDB. Ini adalah bertujuan bagi memastikan mereka telah diberi pendedahan mengenai keselamatan di kawasan tapak binaan dan juga perlindungan insuran.

### **Tahap Kebolehpasaran Graduan**

Jadual dibawah menunjukkan tahap kebolehpasaran graduan perempuan di kolej vokasional di negeri Perlis. Tahap kebolehpasaran graduan perempuan secara umumnya berada pada tahap yang tinggi dengan nilai skor 4.02. Dalam aspek ini, terdapat tiga dimensi yang diukur oleh pengkaji iaitu kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, dan pemikiran kritis.

### **Kemahiran Komunikasi**

**Jadual 5: Tahap Kebolehpasaran Kemahiran Komunikasi Graduan**

<b>BIL</b>	<b>ITEM</b>	<b>PERATUS &amp; KEKERAPAN</b>					<b>MIN</b>
		<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>KS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	
1	Saya boleh berkomunikasi dengan orang dari pelbagai kaum.	2.4 (7)	3.8 (11)	19.8 (57)	49 (141)	25 (72)	3.90
2	Saya boleh berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris.	2.1 (6)	6.6 (19)	45.8 (132)	36.5 (105)	9 (26)	3.44
3	Saya boleh berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Melayu.	0.3 (1)	0.3 (1)	6.9 (20)	38.9 (112)	53.5 (154)	4.45
4	Saya boleh menyampaikan idea secara jelas dengan penuh keyakinan secara bertulis.	0.3 (1)	1.7 (5)	26.7 (77)	46.9 (135)	24.3 (70)	3.93
5	Saya boleh menyampaikan idea secara jelas dengan penuh keyakinan secara lisan.	0.7 (2)	2.4 (7)	25 (72)	49.7 (143)	22.2 (64)	3.90
6	Saya boleh melaksanakan arahan dari pensyarah dengan baik.	0.3 (1)	1.4 (4)	12.2 (35)	52.4 (151)	33.7 (97)	4.18
7	Saya akan membuat perbincangan bagi mencapai sesuatu persetujuan.	0 (0)	0.7 (2)	8.7 (25)	59 (170)	31.6 (91)	4.22
8	Saya boleh mengembangkan kemahiran komunikasi diri.	1.7 (5)	0.3 (1)	11.8 (34)	52.4 (151)	33.7 (97)	4.16
9	Saya boleh memberi maklumbalas ketika berkomunikasi dengan orang lain.	0.3 (1)	3.1 (9)	12.2 (35)	53.1 (153)	31.3 (90)	4.12
10	Saya boleh menyatakan “tidak” dalam perbincangan secara berhemah.	0.7 (2)	3.8 (11)	24 (69)	42.4 (122)	29.2 (84)	3.95
<b>PURATA</b>						<b>4.02</b>	

Item yang diukur pada bahagian ini ialah berkenaan kemahiran komunikasi. Kemahiran komunikasi berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min sebanyak 4.02. Hasil analisis menunjukkan nilai min tertinggi ialah pada item 3 iaitu pelajar boleh berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Melayu dengan nilai min 4.45. Nilai min terendah pula ialah 3.90 iaitu pada item 1 dan 5 di mana pelajar boleh berkomunikasi dengan orang dari pelbagai kaum dan pelajar boleh menyampaikan idea secara jelas dengan penuh keyakinan secara lisan

*Penyelesaian Masalah*

**Jadual 6: Tahap Kebolehpasaran Penyelesaian Masalah Graduan**

BIL	ITEM	PERATUS & KEKERAPAN					MIN
		STS	TS	KS	S	SS	
1	Saya boleh mengenalpasti masalah dalam pengendalian amali atau bengkel.	2.4 (7)	1 (3)	22.6 (65)	56.6 (163)	17.4 (50)	3.85
2	Saya boleh membuat pertimbangan yang jelas tentang sesuatu masalah yang timbul.	0 (0)	3.5 (10)	19.8 (57)	60.4 (174)	16.3 (47)	3.90
3	Saya boleh membuat analisis tentang masalah yang timbul.	0.7 (2)	2.8 (8)	25.3 (73)	55.6 (160)	15.6 (45)	3.83
4	Saya boleh berfikir luar dari konteks yang sebenar.	0.3 (1)	3.5 (10)	30.6 (88)	46.9 (135)	18.8 (54)	3.80
5	Saya akan mencari jalan alternatif terhadap sesuatu isu yang timbul.	0.3 (1)	3.5 (10)	19.1 (55)	58.3 (168)	18.8 (54)	3.92
6	Saya akan merujuk kepada orang lebih tahu apabila berhadapan dengan masalah.	0.3 (1)	1.7 (5)	8.3 (24)	49 (141)	40.6 (117)	4.28
7	Saya akan diambil kira faktor persekitaran dalam penyelesaian masalah.	0 (0)	2.8 (8)	17.4 (50)	51.4 (148)	28.5 (82)	4.06
8	Saya mempunyai kemahiran mengawal tekanan dengan baik.	1 (3)	2.8 (8)	20.1 (58)	51.4 (148)	24.7 (71)	3.96
9	Saya berupaya menilai kesan daripada setiap tindakan dan keputusan yang dibuat.	0 (0)	4.2 (12)	19.4 (56)	50.3 (145)	26 (75)	3.98
10	Saya tidak akan berhenti berusaha selagi tidak dapat mencari penyelesaian masalah yang di hadapi.	1 (3)	1.4 (4)	11.8 (34)	45.1 (130)	40.6 (117)	4.23
<b>PURATA</b>							<b>3.98</b>

Berdasarkan jadual diatas, tahap kebolehpasaran graduan perempuan dari aspek penyelesaian masalah juga berada di tahap yang tinggi dengan nilai keseluruhan min sebanyak 3.98. Hasil analisis menunjukkan nilai skor min tertinggi ialah pada item 6 iaitu pelajar akan merujuk kepada orang lebih tahu apabila berhadapan dengan masalah dengan catatan nilai min 4.28. Nilai min terendah pula ialah dengan nilai skor min 3.80 iaitu pada item 4 di mana pelajar boleh berfikir luar dari konteks yang sebenar.

**Pemikiran Kritis**

**Jadual 7: Tahap Kebolehpasaran Pemikiran Kritis Graduan**

<b>BI L</b>	<b>ITEM</b>	<b>PERATUS &amp; KEKERAPAN</b>					<b>MIN</b>
		<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>KS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	
1	Saya menggunakan kreativiti sendiri dalam penyelesaian masalah yang dihadapi.	3.5 (10)	1 (3)	17.7 (51)	50 (144)	27.8 (80)	3.98
2	Saya berfikir secara terperinci terhadap implikasi yang berlaku hasil daripada keputusan yang dibuat.	0 (0)	3.8 (11)	16 (46)	58.7 (169)	21.5 (62)	3.98
3	Saya mudah menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi.	0.3 (1)	1.4 (4)	20.5 (59)	47.9 (138)	29.9 (86)	4.06
4	Saya selesa bekerja dengan orang yang berbeza budaya.	0 (0)	1.7 (5)	20.1 (58)	47.6 (137)	30.6 (88)	4.07
5	Saya boleh membezakan hujah yang mempunyai asas yang benar atau sebaliknya dengan baik.	0 (0)	1.4 (4)	20.8 (60)	53.1 (153)	24.7 (71)	4.01
6	Saya akan membuat keputusan berdasarkan maklumat yang cukup.	0.7 (2)	0.7 (2)	12.2 (35)	58.3 (168)	28.1 (81)	4.13
7	Saya merancang terlebih dahulu apa yang perlu dilakukan apabila ingin melakukan sesuatu kerja.	0.3 (1)	0.7 (2)	11.5 (33)	58 (167)	29.5 (85)	4.16
8	Saya sentiasa menggabungkan idea dari ahli kumpulan untuk melakukan sesuatu kerja.	0.7 (2)	2.1 (6)	11.1 (32)	49.3 (142)	36.8 (106)	4.19
9	Saya boleh menilai maksud yang tersirat semasa perbincangan.	1 (3)	1.4 (4)	24 (69)	46.5 (134)	27.1 (78)	3.98
10	Saya membuat penilaian semula terhadap semua keputusan yang dibuat di dalam sesuatu perbincangan.	2.1 (6)	2.4 (7)	11.8 (34)	50.7 (146)	33 (95)	4.10
<b>PURATA</b>							<b>4.06</b>

Daripada analisis didapati bahawa tahap kebolehpasaran graduan dari dimensi pemikiran kritis adalah berada pada tahap yang paling tertinggi antara ketiga-tiga dimensi dengan nilai min 4.06.

Hasil analisis menunjukkan nilai min tertinggi ialah pada item 8 iaitu pelajar sentiasa menggabungkan idea dari ahli kumpulan untuk melakukan sesuatu kerja dengan nilai min 4.19. Nilai min terendah pula ialah 3.83 iaitu pada item 1, 2 dan 3 di mana pelajar menggunakan kreativiti sendiri dalam penyelesaian masalah yang dihadapi, mampu berfikir secara terperinci terhadap implikasi yang berlaku hasil daripada keputusan yang dibuat dan boleh menilai maksud yang tersirat semasa perbincangan.

### ***Hubungan Motivasi Graduan Terhadap Kebolehpasaran Graduan Perempuan***

**H<sub>02</sub>:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi terhadap kebolehpasaran di kolej vokasional.

**Jadual 8: Tahap Motivasi Terhadap Kebolehpasaran**

		Motivasi	Kebolehpasaran
Motivasi	Korelasi Pearson	1	.546**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	288	288
Kebolehpasaran	Korelasi Pearson	.546**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	288	288

Setelah menjalankan analisis ujian korelasi, dapatan dalam jadual di atas menunjukkan terdapatnya hubungan yang kuat ( $r = 0.546$ ;  $p < .05$ ) dan signifikan antara motivasi dan kebolehpasaran. Ini bermakna skor motivasi mempunyai perkaitan yang kuat dengan skor kebolehpasaran iaitu semakin tinggi skor motivasi maka semakin tinggi skor kebolehpasaran. Keputusan ini secara tidak langsung membawa implikasi bahawa jika seseorang individu mempunyai motivasi yang tinggi berkemungkinan cenderung mempunyai kebolehpasaran yang tinggi. Oleh itu, tahap kebolehpasaran seseorang dapat dijangkakan dari tahap motivasinya.

### ***Hubungan Kualiti Graduan Terhadap Kebolehpasaran Graduan Perempuan***

**H<sub>03</sub>:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti pelajar perempuan terhadap kebolehpasaran graduan perempuan di kolej vokasional.

**Jadual 9: Tahap Kualiti Terhadap Kebolehpasaran**

		Kualiti	Kebolehpasaran
Kualiti	Korelasi Pearson	1	.713**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	288	288
Kebolehpasaran	Korelasi Pearson	.713**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	288	288

Ujian korelasi digunakan untuk mengenalpasti hubungan antara kualiti pelajar terhadap kebolehpasaran pelajar. Hasil analisis korelasi yang telah dijalankan didapati terdapat hubungan yang kuat antara kualiti dengan kebolehpasaran dimana keputusan kajian adalah signifikan ( $r = 0.713$ ;  $p < .05$ ). Hal ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara kualiti dengan kebolehpasaran. Ini dibuktikan apabila arah hubungan adalah positif disebabkan nilai  $r$  positif, yang membawa maksud semakin tinggi kualiti maka semakin meningkat kebolehpasaran pelajar.

### **Perbincangan**

Motivasi sememangnya satu elemen psikologi yang amat penting dalam proses pembelajaran. Ini kerana motivasi merupakan salah satu faktor penting yang bukan sahaja boleh

mempengaruhi malah dapat mendorong seseorang dalam melakukan sesuatu perkara. Motivasi bukan sahaja mampu menggerakkan tingkah laku, tetapi juga berupaya mengarahkan dan memperkuatkan tingkah laku pelajar yang bermotivasi dalam pembelajaran. Kajian ini mendapati bahawa tahap motivasi intrinsik bagi graduan perempuan lebih tinggi berbanding motivasi ekstrinsik. Ini sekaligus bermakna graduan perempuan yang memilih laluan TVET dengan memasuki ke kolej vokasional adalah didorong dari keinginan graduan itu sendiri sama ada dari segi minat, ingin tahu dan kepuasan terhadap sesuatu pembelajaran dan bukannya disebabkan dorongan dan sokongan luaran semata-mata. Ini berbeza dengan dapatan kajian oleh Azmi (2016) dimana beliau mendapati bahawa sokongan dan galakan luaran mempengaruhi graduan untuk menyambung pengajian dalam bidang TVET.

Dari sudut tahap kualiti graduan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa graduan perempuan mempunyai kemampuan dalam pengetahuan dan boleh melaksanakan tugas yang melibatkan kemahiran. Pertambahan jumlah pekerja perempuan dalam industri turut menunjukkan trend semasa menerima pekerja perempuan untuk melakukan tugas setanding dengan pekerja lelaki (Siti Maria, 2012). Bagaimana pun, peningkatan pekerja perempuan dalam sektor buruh turut menimbulkan diskriminasi terhadap mereka seperti mendapat upah yang rendah (Goldin, 2014) dan berlakunya gangguan seksual (Bortolemei, 2010).

Walaupun pekerja lelaki mempunyai kelebihan dari segi tenaga dan upaya berbanding perempuan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa graduan perempuan juga boleh mengaplikasikan pengetahuan akademik yang dipelajari didalam kelas jika dibimbing dengan baik. Kajian yang dijalankan oleh Farrah (2016) mendapati bahawa pekerja perempuan lebih teliti dan cermat berbanding pekerja lelaki terutamanya dalam melaksanakan tugas yang rumit.

Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kebolehpasaran graduan perempuan mengikut lokasi kolej. Ini membuktikan bahawa faktor persekitaran tidak memberikan kesan ke atas kebolehpasaran graduan perempuan. Ini berkait rapat dengan konsep *nature vs nurture*. Perdebatan *nature vs nurture* merupakan antara isu yang sering diutarakan dalam bidang psikologi perkembangan. Ini kerana perdebatan *nature vs nurture* boleh dipengaruhi oleh faktor biologi atau faktor persekitaran (Alice. 2013). Antara contoh faktor biologi dalam kajian ini adalah proses biologi yang mempengaruhi kebolehpasaran graduan ialah pewarisan gen daripada ibu bapa, dan perkembangan otak. Manakala dalam kajian ini lokasi kolej dikategorikan di bawah pengaruh persekitaran pula merupakan proses pengadaptasian dan penerimaan keadaan sekeliling dalam mempengaruhi kebolehpasaran graduan. Walau bagaimanapun dalam kajian ini pengkaji berjaya membuktikan bahawa faktor *nurture* atau persekitaran tidak mempunyai kesan ke atas kebolehpasaran.

## Kesimpulan & Cadangan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberi gambaran tentang tahap motivasi, kualiti dan kebolehpasaran graduan perempuan dalam bidang kemahiran di kolej vokasional bagi negeri Perlis berada pada tahap yg tinggi. Ini bermakna graduan perempuan yang memilih laluan TVET dengan memasuki ke kolej vokasional adalah dari keinginan graduan itu sendiri dari segi minat, ingin tahu dan kepuasan terhadap sesuatu pembelajaran dan bukannya disebabkan dorongan dan sokongan luaran semata-mata dan jelas menunjukkan kewujudan kolej vokasional mampu membantu mencapai objektif kerajaan untuk membentuk generasi yang berkebolehan dari pelbagai aspek dalam bidang kemahiran dan pengetahuan teknikal dan

secara tidak langsung berupaya membentuk insan yang berkredibiliti selari dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan martabat pendidikan vokasional setanding dengan negara luar yang lain.

Bagi kajian di masa hadapan, kajian yang dijalankan diharapkan tidak hanya tertumpu kepada pelajar perempuan sahaja. Sebaliknya kajian terhadap pelajar lelaki juga perlu dilakukan. Maka maklumat daripada kedua-dua kelompok ini boleh digunakan dalam membuat perancangan bagi penambahbaikan sistem pembelajaran kolej vokasional pada masa hadapan. Selain itu, kajian ini hanya berbentuk kuantitatif. Oleh itu, gabungan kajian kuantitatif dan kualitatif dicadangkan untuk melihat reaksi pelajar-pelajar tentang motivasi, kualiti dan kebolehpasaran pelajar perempuan dalam bidang kemahiran di kolej vokasional. Penggunaan sampel yang berbeza dengan membuat perbandingan jenis institusi dan tidak tertumpu kepada kolej vokasional sahaja seperti institusi Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Kemahiran Mara dan lain-lain juga boleh dilaksanakan untuk melihat secara menyeluruh kualiti dan impak dalam bidang TVET.

## Rujukan

- Azmi, M.M. (2016). Kajian Motivasi Terhadap Pelajar Kolej Vokasional dalam Melaksanakan Kerja-Kerja Kemahiran Teknikal. Tesis Master. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor.
- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV, 2012). Pengenalan Transformasi PTV. Dicapai pada Mei 1, 2018, dari <http://www.bptv.edu.my/v3/index.php/transformasi-pendidikan-vokasional>
- Bartolomei, M. R. (2010). Migrant Male Domestic Workers in Comparative Perspective: Four Case Studies from Italy, India, Ivory Coast, and Congo. Men and Masculinities, 13(1), 87–110. doi:10.1177/1097184x10382882.
- Cohen J. (1988). "Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences." New Jersey: Lawrence Earlbaum Associates Publishers.
- Faridah, M.T. (2016). Penglibatan Wanita yang Mengikuti Technical Vocational Education and Training (TVET) dalam Industri Oil & Gas. Tesis Master. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor.
- Gill, D. L., Gross, J. B. & Huddleston, S. (1983). Participation Motivation in Youth Sports. International Journal of Sport Psychology, 14, 1-14.
- Hafizah, A.B. (2013) Tahap Kebimbangan Pelajar Wanita Bidang Kejuruteraan Terhadap Peluang Kerjaya. Tesis Master. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor.
- Hazli, Y. (2018). Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik Pelajar dalam Aktiviti Kemahiran Membaca Teks Arab. Principles of the Committee on Publication Ethics (COPE). 8(2), 97-107.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2012). Punca Graduan Sukar Dapat Kerja. Dicapai pada Mei 20, 2014, dari <http://blog.mohe.gov.my/2012/11/puncagraduan-sukar-dapat-kerja.html>
- Lim Chong Hin. (2007). Penyelidikan pendidikan: Pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Selangor: McGraw- Hill (Malaysia).
- Makhbul, Z.K.M., Yussof, I., Agus, A. & Awang, A. H. (2015). Employer Perspectives on Graduate Work Skills Readiness. Pensee Journal. 75(10): 436-446.
- Pallant, J. (2010). SPSS Survival Manual. 4th Edition, McGraw-Hill, Berkshire.
- Ramlee, M. & Roszelina, A.R. (2018). Hubungan Kemahiran Kebolehkerjaan Pelajar Kolej Vokasional Pertanian Dengan Kesediaan Menghadapi Revolusi Industri 4.0. Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning. 2(1).

- Siti Hajar, H. (2013). Kecenderungan Graduan Wanita Kejuruteraan Terhadap Pemilihan Profesion Kerjaya Bukan Jurutera. Tesis Master. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor.
- Siti Maria (2012). Faktor Pendorong Peningkatan Produktifitas Tenaga Kerja Wanita Sektor Industri, Perdagangan, dan Jasa di Kalimantan Timur. Jurnal Fakultas Ekonomi Universitas Mulawarman. 15(2):55-68.
- Suhaili, H. (2015) Kesediaan Pelajar dari Aspek Kemahiran Teknikal Terhadap Pembentukan Kebolehkerjaan di Kolej Vokasional Wilayah Selatan. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.